

Poligami di Malaysia.

Raihanah Haji Abdullah

Abstract

Polygamy has been a controversial issue not only in Malaysia but also in all Muslim countries in the world. Thus, a specific provision on polygamy has been enacted in the Islamic Family Law to control polygamy due to the family instability among the society caused by those who abuse the permission granted by the Quran. This article attempts to discuss the law of polygamy in Malaysia, its problems and the solutions towards controlling polygamy among the Muslim society in Malaysia.

Pendahuluan

Penulisan dan kajian tentang poligami bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia perundangan Islam. Penulisan dan kajian yang dilakukan kebanyakannya berkisar dari sudut perbahasan Hukum, sejarah poligami, poligami dan Undang-undang Keluarga Islam dan juga amalan poligami dalam sesuatu masyarakat.¹

Bukan setakat itu sahaja, isu poligami ini sering dijadikan politik dalam masyarakat sehingga ia menimbulkan ketegangan di antara pihak-pihak tertentu. Seperti kata Prof Azizah Kassim, apabila sahaja isu poligami diperbahaskan kesimpulan yang boleh dibuat ialah kaum lelaki menyenanginya manakala kaum wanita mencemuhnya.² Bahkan pertentangan terhadap poligami selalunya dikaitkan dengan wanita dan pertubuhan-pertubuhan wanita. Sehinggakan ada yang beranggapan bahawa pertentangan itu adalah pertentangan kepada soal hukum yang akan membawa kepada kepincangan akidah.³ Persoalannya ialah mengapakah terjadinya polemik sedemikian di kalangan masyarakat. Oleh itu kertas ini bertujuan untuk membincangkan isu poligami di Malaysia dengan meneliti keberkesanan Undang-undang Kekeluargaan Islam di Malaysia dalam mengawal amalan poligami.

Poligami⁴ dalam Masyarakat.

Poligami atau lebih dikenali sebagai poligini dalam kajian Antropologi adalah amalan yang bukan asing di kalangan masyarakat dahulu mahupun sekarang. Kedua-dua bentuk perkahwinan poliandri dan poligini masih diamalkan oleh masyarakat di dunia. Bagaimanapun perkahwinan poligini di kalangan masyarakat dikatakan mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu untuk tujuan ekonomi, politik, demografi dan sosio-budaya.⁵ Fungsi-fungsi ini memainkan peranan yang penting terutamanya dalam masyarakat pra industri. Umpamanya bagi fungsi ekonomi dan politik, masyarakat akan menjadikan

perkahwinan poligini sebagai sesuatu yang boleh menambahkan pendapatan ekonomi keluarga. Ini berlaku kerana isteri-isteri akan dijadikan sebagai tenaga kerja untuk menambahkan pendapatan. Perkahwinan poligini berdasarkan kepada fungsi ini tidak berasaskan kepada perasaan kasih dan sayang. Kerana itu tidak timbul perasaan-perasaan negatif seperti hasad dengki dan cemburu di kalangan isteri-isteri. Bukan setakat itu sahaja, poligini juga berfungsi untuk menaikkan imej dan prestij seseorang pemimpin atau ketua kaum. Ini bermakna dalam masyarakat dahulu, poligini adalah lambang kekayaan, kemegahan dan kekuatan seseorang kerana mampu memiliki ramai isteri.

Bagaimanapun perkahwinan lebih dari seorang isteri ini juga dinyatakan di dalam al-Quran Surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud:

'Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.'

Dengan turunnya Surah al-Nisa' ayat 3 ini, maka al-Quran dengan terang dan jelasnya telah meletakkan satu peraturan untuk berpoligini (poligami). Poligami tidak lagi dibenarkan secara sewenang-wenangnya tanpa batasan dan syarat-syarat tertentu iaitu dengan berkahwin seberapa ramai isteri yang dikehendaki samada untuk tujuan ekonomi mahupun politik sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Jahiliyyah.⁶ Bagaimanapun al-Quran tidak mengharamkan amalan berkahwin lebih dari seorang isteri kerana poligami mempunyai kebaikan dan kemaslahatan dalam masyarakat terutamanya dalam menyelesaikan beberapa perkara. Pengubabsuaian ini bagi kebanyakan penulis yang melihat dari sudut persejarahannya berpendapat bahawa al-Quran melalui Surah al-Nisa' ayat 3 telah memperbaiki kedudukan wanita Islam dibandingkan dengan amalan poligami sebelum itu.⁷ Ini bermakna poligami dalam Islam hanya dihadkan kepada empat orang sekaligus dan keadilan menjadi elemen yang penting dalam amalan tersebut.

Al-Quran tidak menyebut secara terang apakah fungsi poligami yang dibenarkan. Sebaliknya melalui *sabab nuzul* ayat ini menunjukkan bahawa ayat tersebut bertujuan untuk meratai keadilan dalam masyarakat iaitu dengan membela anak-anak yatim atau menjaga kepentingan wanita-wanita yang kehilangan suami ketika peperangan Uhud.⁸ Al-Quran nampaknya membenarkan perkahwinan poligami dengan alasan untuk memenuhi keperluan, mengatasi masalah dan menjaga kepentingan individu lain dan bukannya atas dasar memenuhi kepentingan sendiri.

Bukan setakat itu sahaja, Rasulullah s.a.w mula berpoligami setelah kematian isteri pertamanya Khadijah binti Khuwailid. Kalau dilihat pada perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan isteri-isterinya kesemuanya adalah untuk menjaga kepentingan orang lain dari kepentingan sendiri. Umpamanya perkahwinan baginda dengan Saudah binti Zam'ah isteri pertamanya setelah beberapa tahun kematian Khadijah adalah atas dasar politik iaitu untuk menyelamatkan Saudah yang kematian suaminya dari disiksa oleh kaumnya sendiri. Begitu juga perkahwinannya dengan Juwairiyyah anak kepada ketua kaum Bani

Mustaliq bertujuan untuk memberhentikan perseteruan mereka dengan orang-orang Islam. Manakala perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy adalah atas arahan Allah s.w.t yang juga bertujuan untuk menyelesaikan masalah hukum anak angkat.⁹ Begitu juga perkahwinannya dengan Hafsa binti Umar bertujuan untuk menjaga nama baik Saydina Umar dan Hafsa sendiri. Bagaimanapun perkahwinannya dengan Ummu Salamah seorang janda yang telah lanjut usia adalah atas dasar peri kemanusiaan dan menjaga kepentingan Ummu Salamah. Satu-satunya perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan anak gadis adalah dengan Aisyah yang juga bertujuan untuk merapatkan hubungan persaudaraan dan persahabatan antaranya dengan Saydina Abu Bakar bapa kepada Aisyah. Inilah yang dikatakan oleh M. Madani dalam penulisannya bahawa tujuan poligami dalam al-Quran Surah 4 ayat 3 mestilah atas sebab-sebab yang mulia di sisi Islam sesuailah dengan kehidupan poligami yang telah diamalkan Rasulullah s.a.w.¹⁰

Bagaimanapun dalam penulisan-penulisan fiqh, tidak terdapat perbincangan tentang sebab-sebab keharusan poligami dalam Islam. Perbincangan hanyalah berkisar kepada soal-soal hukum yang berkaitan dengan poligami. Sebaliknya dalam penulisan yang agak terkemudian dari itu, maka beberapa sebab-sebab yang dibenarkan oleh Islam untuk berpoligami telah disenaraikan.¹¹ Antara sebab-sebab yang dinyatakan dalam penulisan-penulisan tersebut adalah bilangan wanita melebihi lelaki, mengelakkan dari berlaku perzinaan, isteri mandul, isteri sakit, bermusafir ke tempat lain kerana berniaga dan juga kerana kekuatan nafsu kaum lelaki.¹² Sebab-sebab yang dinyatakan ini bagi memenuhi fungsi demografi, sosio-budaya dan kehendak seksual. Sebab-sebab ini adalah untuk menunjukkan keperluan poligami dalam satu-satu masyarakat. Sedangkan sebab-sebab ini tidak dinyatakan baik di dalam al-Quran maupun di dalam al-Hadith. Bahkan kalau ditinjau tentang dalil-dalil yang berkaitan tentang poligami terutamanya dalam Hadith, banyak yang berkisar tentang keadilan dalam berpoligami. Kerana itu keharusan berpoligami biarlah benar-benar dapat memenuhi ‘spesifikasi’ yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadith agar poligami yang diamalkan itu tidak akan menyeleweng dari apa yang telah dinyatakan oleh al-Quran dan al-Hadith. Sebagaimana kata Mizanur Rahman ‘polygamy has its uses as well as abuses’.¹³

Poligami dalam Undang-undang Keluarga Islam.

Oleh kerana kadangkala berlaku penyalahgunaan terhadap amalan poligami terutamanya apabila berlaku penganiayaan terhadap isteri dan anak-anak maka ini telah menimbulkan rasa ketidak selesaan di kalangan masyarakat. Rasa tanggungjawab atas perbuatan yang mereka lakukan tidak dipikul sepenuhnya kerana masyarakat tidak merasakan pelanggaran terhadap arahan dalam al-Quran Surah al-Nisa’ ayat 3 sebagai sesuatu yang menakutkan. Ini adalah kerana perkara yang mengawal tindakan manusia samada untuk mematuhi dan mengingkari arahan hanyalah dosa dan pahala. Tidak ada satu kawalan dalam bentuk hukuman dunia terhadap kesalahan mereka yang tidak memberi nafkah ataupun tidak berlaku adil antara isteri-isterinya. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing kerana perbincangan dalam kitab-kitab fiqh hanya membahaskan tentang bentuk-bentuk hukum berpoligami sahaja.

Keadaan seperti ini telah mencetuskan idea kepada seorang reformer Mesir Sheikh Muhammad Abduh untuk membuat pembaharuan semula terhadap tafsiran-tafsiran dalam

perbahasan fiqh. Salah satu isu yang menjadi agenda dalam pembaharuan semula adalah poligami. Beliau telah mencadangkan poligami perlu dikawal melalui campurtangan Mahkamah. Perkara ini merupakan suatu pembaharuan kerana al-Quran sendiri tidak meletakkan syarat bahawa seseorang suami perlu meminta kebenaran dan keizinan dari sesiapa pun. Seorang suami mempunyai kebebasan untuk berpoligami dengan syarat dia mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh al-Quran. Pada tahun 1929, Raja Fuad telah menolak cadangan peruntukan mengawal poligami melalui kebenaran Mahkamah semata-mata atas sebab-sebab peribadi.¹⁴ Kerana itu sehingga sekarang Mesir tidak mempunyai peruntukan poligami atas kebenaran Mahkamah. Pembaharuan ini dirasakan perlu bagi memenuhi keperluan masyarakat yang semakin rencam dan kompleks ini. Pandangan Muhammad Abdur untuk mentafsir semula peruntukan tersebut bermula apabila institusi poligami melalui tafsiran fuqaha' gagal untuk membela kaum wanita. Kerana itu beliau berpendapat bahawa amalan poligami dalam masyarakat moden perlu dikawal supaya penyelewengan akibat dari amalan poligami dapat dielakkan.

Kesannya seseorang suami tidak akan sewenang-wenangnya berpoligami kerana kini pihak Mahkamah akan mengenal pasti kemampuan mereka sebelum permohonan poligami diluluskan. Sekatan secara memberi kuasa kepada Mahkamah adalah perlu kerana Mahkamah akan memastikan pemohon layak dan mampu untuk menegakkan keadilan di antara isteri-isterinya serta mengelakkan kemudaratan terhadap perkahwinan yang sedia ada dan yang akan datang. Oleh itu negeri yang pertama memperuntukkan sedemikian ialah Syria pada tahun 1953.¹⁵ Ini diikuti oleh negara-negara yang lain seperti Jordan, Iran, Iraq, Pakistan, Singapura dan juga Malaysia yang telah memperuntukkan peraturan yang sedemikian. Peruntukan ini dibuat dengan menggunakan kaedah *sadal-zarai'* dalam Perundangan Islam. Kaedah ini membenarkan pihak berkuasa menahan seorang suami dari melakukan poligami sekiranya suami tersebut gagal untuk membuktikan kemampuannya. Ini adalah kerana ketidak mampuan suami itu dianggap telah melakukan kezaliman dan penyelewengan kepada isteri yang sedia ada dan juga kepada bakal isteri-isterinya.

Selain dari kuasa Mahkamah meluluskan permohonan poligami, terdapat beberapa negara-negara Islam yang telah memperuntukkan bahawa seseorang isteri dibenarkan membuat syarat dalam perkahwinannya dengan tidak membenarkan suaminya berpoligami. Sekiranya suami tersebut melanggar syarat dalam perkahwinan, maka isteri berhak untuk membubarkan perkahwinan melalui *talaq ta'liq*. Penentuan syarat semasa perkahwinan ini diambil dari prinsip Mazhab Hanbali. Negara yang dimaksudkan itu ialah Moroko.¹⁶ Bagaimanapun Malaysia tidak memperuntukkan peraturan yang sedemikian kerana dirasakan peruntukan sedemikian adalah tidak sesuai.

Walaupun kebanyakan negara-negara Islam telah mengawal poligami melalui peruntukan Undang-undang, namun terdapat negara yang telah terus tidak membenarkan amalan poligami dalam masyarakat mereka. Penggubal Undang-undang Keluarga Tunisia telah melakukan tafsiran semula melalui ijтиhad dalam bentuk yang baru terhadap konsep keadilan. Mereka berhujah bahawa keadilan yang dimaksudkan di dalam al-Quran Surah al-Nisa' ayat 3 tidak terhad kepada keadilan material tetapi merangkumi keadilan emosi dan spiritual. Oleh yang demikian sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Nisa' ayat 129 maka seseorang suami tidak akan mampu untuk berlaku adil.¹⁷ Pelanggaran terhadap peraturan poligami di Tunisia dianggap telah melakukan kesalahan jenayah.

Pembaharuan sebegini dianggap oleh kebanyakan penulis sebagai satu pembaharuan yang radikal. Negara yang telah memperuntukkan bahawa poligami itu diharamkan adalah Tunisia dan Timur Afrika.¹⁸

Undang-undang Poligami di Malaysia.

Sebagaimana dengan kebanyakan negara-negara Islam yang lain (terkecuali Tunisia), Malaysia tidak mengambil keputusan untuk mengharamkan amalan poligami di kalangan masyarakatnya melalui penguatkuasaan Undang-undang. Sebaliknya Malaysia menggubal Undang-undang poligami bertujuan untuk mengawal amalan tersebut agar tidak berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini akibat dari amalan poligami yang tidak betul. Kerana itu di Malaysia semua negeri-negeri memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syariah. Dalam Seksyen 23(1), Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984, memperuntukkan dengan jelas tentang perkara ini. Campurtangan Mahkamah Syariah dalam memberi kebenaran berpoligami dibuat kerana masyarakat sendiri yang gagal untuk menjaga kebaikan poligami sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam.

Bagaimanapun dalam perkara-perkara yang lain , peruntukkan mengenai poligami adalah tidak seragam antara negeri-negeri. Ini dapat dilihat umpamanya Negeri-negeri seperti Negeri Sembilan (7/83), Melaka (8/83), Wilayah Persekutuan (A 303), Selangor (4/84), Kedah (1/84), Pulau Pinang (2/85), Pahang (3/87), Johor (5/90), Sarawak (5/91), Perlis (4/92) dan Sabah (15/92), telah memperuntukkan beberapa syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Mahkamah Syariah sebelum sesuatu permohonan poligami diluluskan. Seksyen 23(3) Akta 1984¹⁹, umpamanya telah memperuntukkan bahawa :

'Permohonan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan samada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu'.

Subseksyen 3 ini memberi gambaran sebenar di dalam borang permohonan poligami. Sesiapa sahaja yang membuat permohonan poligami mesti melengkapkan borang tersebut dengan maklumat-maklumat yang dikehendaki sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 23(3) ini. Umpamanya di dalam borang permohonan poligami di Wilayah Persekutuan seseorang pemohon dikehendaki memberi maklumat antara lainnya:-

- Maklumat peribadi pemohon dan bakal isteri yang akan dikahwininya
- Alasan-alasan mengapa perkahwinan poligami itu perlu;
- Latar belakang kewangan suami
- Tanggungan kewangan yang diberikan kepada isteri dan anak-anak yang sedia ada dan juga bakal isteri,
- Samada cadangan pernikahan poligami itu telah mendapat persetujuan daripada isteri yang sedia ada.

Apabila Mahkamah Syariah menerima permohonan dari seseorang untuk berpoligami, maka Mahkamah akan mengeluarkan surat saman kepada isteri untuk hadir ke Mahkamah mendengar permohonan tersebut. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 23(4) Akta 1984:

'Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah, memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup...'

Ini bermakna sesiapa sahaja yang membuat permohonan poligami melalui Mahkamah di negeri-negeri tersebut, dengan sendirinya isteri atau isteri-isteri yang sedia ada akan mengetahuinya apabila Mahkamah mengeluarkan surat saman tersebut sekalipun tidak diberitahu hasrat suami itu terlebih dahulu. Surat saman ini dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah kepada isteri sebagai langkah untuk memaklumkan bahawa suaminya ingin berpoligami. Soal untuk mendapat tandatangan isteri untuk berpoligami tidak disebut di dalam borang permohonan poligami dan juga tidak diperuntukkan di dalam Undang-undang Keluarga Islam. Sebaliknya apa yang perlu ialah pengakuan dari suami dibuat dengan menyatakan samada isterinya bersetuju ataupun tidak dengan permohonan tersebut. Apabila segala-galanya telah lengkap dan isteri telah datang pada hari perbicaraan di dalam Mahkamah tertutup, maka Mahkamah akan meluluskan permohonan sekiranya pemohon dapat memenuhi syarat sebagaimana yang terdapat dalam Seksyen 23(4)(a)(b)(c)(d)(e), iaitu:

- (a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu, memandangkan kepada antara lain hal-hal keadaan yang berikut, iaitu kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk memulihkan hak-hak persetubuhan atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;
- (b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menanggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syara', semua isteri dan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang-orang tanggungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;
- (c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syara'
- (d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan darar syarie kepada isteri-isteri yang sedia ada; dan
- (e) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan merendahkan secara langsung atau secara tidak langsung taraf kehidupan yang telah dinikmati atau dijangka dengan munasabah akan dinikmati seterusnya oleh isteri atau isteri-isteri dan orang-orang tanggungannya yang sedia ada sekiranya perkahwinan itu tidak berlaku.

Oleh kerana itu sekiranya Mahkamah berpuas hati bahwa seseorang pemohon itu

telah memenuhi syarat-syarat di dalam Seksyen 23(4), maka Mahkamah akan meluluskan permohonannya sekalipun isterinya tidak bersetuju permohonan poligami suaminya itu. Sebaliknya Mahkamah juga akan tetap menolak permohonan poligami sekiranya syarat-syarat dalam Seksyen 23(4) tidak dapat dipenuhi sekalipun isterinya bersetuju dengan rela hati. Ini menunjukkan bahawa kebenaran dan keengganannya isteri untuk memberlakukan poligami suaminya adalah tidak mengikat Mahkamah Syariah. Sebaliknya maklumat yang diberi oleh isteri adalah sebagai keterangan yang boleh digunakan oleh Mahkamah untuk membantu Mahkamah membuat keputusan meluluskan atau menolak satu-satu permohonan poligami.

Dalam kes *Aishah bte Abdul Rauf Iwn. Wan Mohd Yusof bin Wan Othman*²⁰, Jawatan kuasa Rayuan, Mahkamah Syariah, Selangor, telah memberlakukan rayuan pemohon dan membatalkan perintah memberi kebenaran poligami oleh Y.A. Hakim, Mahkamah Rendah Syariah.

Jawatan kuasa Rayuan telah memutuskan bahawa, keempat-empat syarat yang diperuntukkan dalam Seksyen 23(4), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (No.4/84), itu adalah sama pentingnya dan mestilah dibuktikan secara berasingan. Ini adalah kerana Y.A Hakim hanya mengambil perhatian terhadap syarat (b) tetapi mengabaikan syarat-syarat (a), (c) dan (d). Bagi Jawatan kuasa Rayuan, pemohon telah gagal untuk membuktikan apakah perkahwinan poligaminya itu sesuatu yang patut dan perlu sebagaimana dalam syarat (a). Pengakuan juga dibuat oleh pemohon dengan mengatakan bahawa isterinya yang sedia ada mempunyai sebarang kecacatan fizikal yang boleh menghalang dari perhubungan kelamin serta tidak pernah ingkar terhadap keperluan batin suami isteri. Kerana itu pemohon tidak mempunyai suatu alasan yang munasabah mengapa harus berpoligami. Bukan setakat itu sahaja, Jawatan kuasa Rayuan tidak berpuas hati dengan hanya pengakuan yang dibuat oleh pemohon terhadap syarat-syarat (c) dan (d). Pembuktian terhadap syarat-syarat (c) dan (d) perlu kepada saksi-saksi yang akan memberi keterangan terhadap ketakwaan pemohon kepada Allah dan sesama manusia.

Syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Seksyen 23(4) ini pada pendapat Jawatankuasa Rayuan adalah bertujuan untuk memastikan keadilan di antara isteri-isteri yang dituntut sebagai wajib oleh al-Quran. Tambah Jawatan Kuasa tersebut, Seksyen 23(4) bukanlah bertujuan untuk menghapuskan poligami tetapi memperuntukkan syarat-syarat yang membina dengan harapan keadilan bagi keluarga Islam dapat tercapai dengan lebih berkesan lagi.

Bagaimanapun terdapat beberapa buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang yang telah membatalkan Seksyen 23(4)(e), kerana dirasakan Seksyen 23(4)(e) ini didapati bertentangan dengan Syarak. Manakala bagi negeri-negeri yang lain syarat(e) ini masih tetap dikekalkan.

Di samping itu, bagi negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Perak peraturan poligaminya adalah berbeza dengan negeri-negeri yang lain. Umpamanya Kelantan dan Terengganu langsung tidak memperuntukkan sebarang syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang pemohon poligami. Manakala bagi negeri Perak pula pemohon hanya perlu membuat pengakuan sahaja bahawa mereka akan berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Ini bermakna kelulusan dan penolakan Mahkamah terhadap permohonan poligami adalah terletak kepada budi bicara Mahkamah. Bahkan Mahkamah tidak mempunyai panduan secara statut untuk meluluskan sebarang permohonan poligami.

Kerana itu, permohonan poligami di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Perak adalah mudah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang terpaksa secara statut membuktikan bahawa pemohon dapat memenuhi syarat-syarat yang telah diperuntukkan. Ketidak seragaman dari segi peraturan poligami ini menyebabkan masyarakat yang ingin berpoligami akan pergi ke negeri-negeri yang dirasakan peraturan poligaminya tidak akan menyekat hasratnya itu. Seperti kata Jones ‘... to shop around and find another state where his application will succeed’.²¹ Paling malang sekali ialah apabila terdapat pengamal-pengamal poligami yang berkahwin tidak di Malaysia sebaliknya berkahwin di negara jiran atau diluar dari Malaysia. Walau di mana sekalipun mereka berkahwin, sekiranya perkahwinan tersebut tidak mendapat kebenaran dari Mahkamah Syariah, maka mereka ini akan dikenakan penalti atas kesalahan berpoligami di luar kebenaran Mahkamah.

Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa penalti yang dikenakan bagi kesalahan berpoligami di luar kebenaran Mahkamah adalah denda tidak lebih daripada RM1000 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali.²² Bagaimanapun bagi negeri Kelantan, poligami di luar kebenaran Mahkamah hanya dikenakan penalti yang paling rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain iaitu denda tidak lebih dari RM300 atau penjara tidak lebih dari satu bulan atau kedua-duanya. Manakala bagi negeri Kedah pula penalti yang dikenakan ialah denda tidak lebih daripada RM500 dan apa-apa pampasan yang masih terhutang. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak penalti yang dikenakan adalah agak tinggi iaitu denda tidak lebih daripada RM3000 atau penjara tidak lebih dari 2 tahun @ kedua-duanya sekali. Bagaimanapun Melaka tidak mengenakan sebarang penalti bagi mereka yang berpoligami di luar kebenaran Mahkamah. Ini bermakna poligami di luar kebenaran Mahkamah bukanlah suatu kesalahan di negeri Melaka.

Poligami di luar kebenaran Mahkamah akan mengakibatkan perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan. Seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan bahawa:

‘Sesuatu perkahwinan yang bersalahan dengan Akta ini tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini’.

Memandangkan poligami di luar kebenaran Mahkamah adalah suatu kesalahan matrimonial yang melanggar Seksyen 123 Akta 1984, maka sesiapa sahaja yang berpoligami tanpa mendapat kebenaran Mahkamah terlebih dahulu, maka perkahwinannya tidak akan didaftarkan sekalipun perkahwinan itu adalah sah di sisi Syarak. Kesannya ialah sebarang tuntutan seperti nafkah di bawah Undang-undang berkenaan adalah tidak dibenarkan. Ini adalah kerana, perkahwinan tersebut adalah tidak sah di sisi Undang-undang Keluarga di Malaysia.

Oleh kerana dengan adanya peruntukan sedemikian menimbulkan masalah kepada isteri dan anak-anak dari perkahwinan poligami yang tidak didaftarkan, maka atas desakan masyarakat juga peruntukan mengenai perkara tersebut telah dipinda. Pindaan yang dimaksudkan itu ialah perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah dibenarkan untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut tetapi tertakluk kepada penalti yang ditetapkan. Ini bermakna sebelum perkahwinan poligami tersebut didaftarkan, seseorang itu akan dikenakan penalti atas kesalahan berpoligami diluar kebenaran Mahkamah. Negeri yang pertama sekali meminda peraturan tersebut ialah Kelantan iaitu pada tahun 1985 diikuti

oleh Selangor pada tahun 1989, Negeri Sembilan pada tahun 1991, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang pada tahun 1994. Manakala negeri-negeri yang lain seperti Melaka, Kedah, Perak, Pahang, Johor dan Sabah, pendaftaran adalah tidak dibenarkan sekalipun mereka telah membayar penalti atas kesalahan berpoligami di luar kebenaran Mahkamah. Bagi negeri Sarawak dan Perlis, penggubalan Undang-undangnya terus memasukkan peruntukan untuk membenarkan pendaftaran kerana kedua-dua negeri ini mula menguatkuasakan Undang-undang Keluarga disekitar tahun 90an. Bagaimanapun bagi negeri Terengganu tidak disebut apa jua tentang samada dibenarkan pendaftaran atau sebaliknya.

Selain dari kesalahan ini, Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia juga mengenakan penalti ke atas suami yang tidak berlaku adil terhadap isteri-isterinya.²³ Negeri Kedah telah mengenakan penalti yang paling rendah iaitu denda tidak lebih dari RM300 atau penjara tidak lebih dari dua bulan atau kedua-duanya. Manakala bagi negeri Kelantan penaltinya ialah denda tidak lebih dari RM500 atau penjara tidak lebih dari empat bulan atau kedua-duanya sekali. Penalti bagi kesalahan tidak adil kepada isteri-isteri adalah lebih berat sedikit dari kesalahan berpoligami diluar kebenaran Mahkamah bagi negeri Kelantan. Bagaimanapun bagi negeri-negeri lain penalti yang dikenakan ialah denda tidak lebih dari RM1000 atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bagaimanapun setakat ini tidak ada kes di Wilayah Persekutuan di bawah kesalahan suami berlaku tidak adil antara isteri-isteri sekalipun Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah dengan jelasnya memperuntukkan hak sedemikian kepada seseorang isteri. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh samada isteri-isteri tidak mengetahui tentang hak tersebut ataupun kerana bimbang perkahwinannya akan berakhir dengan perceraian.

Undang-undang Keluarga Islam juga memberi hak kepada seorang isteri untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh. Bagaimanapun tidak semua negeri memperuntukkan secara jelas dan nyata bahawa seseorang isteri boleh menuntut fasakh atas alasan suami berlaku tidak adil antara isteri-isterinya. Hanya negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Sarawak, Perlis dan Sabah telah memperuntukkan salah satu dari alasan yang membolehkan fasakh ialah²⁴ :

'jika ia mempunyai lebih daripada seorang isteri, dia tidak melayani isteri berkenaan secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak'.

Bagaimanapun bagi negeri-negeri seperti Kelantan, Melaka, Perak dan Pahang memperuntukkan suatu peruntukan umum yang boleh digunakan bagi maksud ketidakadilan antara isteri-isteri iaitu:

'apa-apa alasan lain yang diiktiraf sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh mengikut Hukum Syarak.'

Sebagai peruntukan yang umum ia boleh digunakan untuk membubarkan perkahwinan atas alasan suami berlaku tidak adil. Peruntukan sedemikian juga terdapat pada negeri-negeri yang lain cumanya terdapat peruntukan yang lebih jelas dan nyata alasannya untuk fasakh. Manakala bagi negeri Kedah pula tidak ada langsung alasan

yang boleh digunakan oleh seseorang isteri untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh sekiranya suaminya berlaku tidak adil terhadapnya. Peruntukkan fasakh bagi negeri Kedah adalah terhad jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ini bermakna isteri-isteri dalam perkahwinan poligami di negeri Kedah tidak boleh memohon fasakh atas alasan ketidakadilan suami terhadap mereka.

Setelah kita melihat peruntukkan-peruntukkan poligami dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, didapati bahawa masih ada lagi peruntukkan yang tidak seragam antara negeri-negeri. Keadaan ini menyebabkan poligami di Malaysia tidak dapat dikawal dengan sebaiknya kerana terdapat negeri-negeri yang mengenakan peruntukkan yang dianggap ketat, manakala negeri yang lain pula mengenakan peruntukkan yang dianggap sebaliknya. Adalah lebih baik jika sekiranya negeri-negeri di Malaysia menyelaraskan peruntukkan mengenai poligami dengan mengambil Wilayah Persekutuan sebagai contoh dengan menambah serta meningkatkan penalti atas kesalahan berpoligami diluar kebenaran Mahkamah dan kesalahan ketidakadilan antara isteri-isteri dari denda tidak lebih dari RM300 atau penjara tidak lebih dari 2 bulan kepada denda tidak lebih dari RM3000 atau penjara tidak lebih dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pindaan-pindaan yang dibuat terhadap Undang-undang mengenai poligami bukanlah untuk menimbulkan penganiayaan kepada mana-mana pihak. Pindaan-pindaan perlu dilakukan dari masa kesemasa untuk memperkemaskin peruntukannya agar tidak akan menimbulkan masalah kepada mana-mana pihak. Umpamanya pembubaran perkahwinan melalui taklik terutamanya dalam masalah ketidakadilan suami terhadap isteri-isteri perlu dikuatkuasakan. Setakat ini lafaz taklik yang digunakan dan diselaraskan diitiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

'Adalah saya.....dengan ini bertaqlik jika,

- 1. Saya tidak bermuasyarah yang maafur dengan isteri saya.....samada saya meninggalkan dia dengan sengaja atau paksaan atau dia meninggalkan dengan paksaan selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih, atau*
- 2. Saya atau wakil saya tidak memberi nafkah kepadanya selama empat bulan qamariah berturut-turut atau lebih dan dia tidak disabitkan nusyuz oleh mana-mana Mahkamah Syariah, atau*
- 3. Saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, penganiayaan atau lain-lain darar syarie terhadapnya*

dan apabila dia mengadu kepada Qadi atau Hakim Syarie dan sabit aduannya di sisi Qadi atau Hakim Syarie dan dia memberi kepada Qadi atau Hakim Syarie bagi pehak saya sebanyak RM10 atau senilai dengannya maka ketika itu tertalaqlah dia dengan satu talaq khulu'

Lafaz taklik ini membenarkan seseorang isteri untuk membubarkan perkahwinannya apabila berlaku salah satu perkara yang disebutkan iaitu suami tidak bermuasyarah dengan isterinya untuk tempoh empat bulan berturut-turut, suami tidak

memberi nafkah untuk tempoh yang sama dan suami melakukan keganasan fizikal dan lain-lain darar syarie terhadap isterinya. Lafaz taklik ini telah ditambah dari masa kesemasa dengan tujuan untuk memberi jalan keluar kepada isteri-isteri yang merasakan dirinya teraniaya disebabkan oleh perlakuan suaminya. Bahkan pembubaran perkahwinan melalui taaliq adalah lebih mudah prosesnya jika dibandingkan dengan pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Kerana itu pembubaran perkahwinan melalui taklik adalah lebih banyak bilangannya jika dibandingkan dengan fasakh. Statistik yang diperolehi di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan menunjukkan bahawa bagi tahun 1996, sebanyak 804 kes permohonan cerai taklik di Mahkamah Syariah. Dari jumlah itu, sebanyak 147 kes telah selesai manakala 657 lagi kes belum diselesaikan. Manakala dalam kes fasakh pula untuk tahun yang sama sebanyak 195 kes dipohon dan 26 kes selesai sementara 169 lagi belum diselesaikan. Begitu juga bagi tahun 1995, dari 248 permohonan taklik, 35 kes selesai dan 213 kes belum diselesaikan. Manakala bagi fasakh pula dari 49 kes hanya 9 kes yang diselesaikan sementara bakinya belum diselesaikan.²⁵ Ini menampakkan bahawa pembubaran perkahwinan melalui perceraian taklik adalah lebih banyak dipohon dan lebih mudah prosesnya sekiranya sabit kesalahan tersebut. Oleh yang demikian adalah baik sekiranya taklik tersebut ditambah dengan memasukkan ketidakadilan suami antara isteri-isteri sebagai alasan yang membenarkan isteri menuntut hak melalui perceraian taklik. Dengan adanya lafaz sedemikian secara terang dan jelas maka akan memudahkan pehak Mahkamah dan juga isteri untuk menyelesaikan masalah ketidakadilan suami terhadap isteri-isteri sedangkan isterinya sendiri tidak berhasrat untuk meneruskan rumahtangga tersebut. Lafaz sedemikian nampaknya tidak akan menghalang mana-mana suami untuk berpoligami, sebaliknya sekiranya mereka berpoligami maka keadilan mestilah diberi perhatian sepenuhnya. Jika tidak memberi ketidakadilan maka disinilah lafaz taaliq tersebut akan digunakan sebagai membubarkan perkahwinan tersebut. Lafaz sedemikian adalah berbeza sama sekali dengan cadangan yang dikemukakan oleh pehak yang telah menyiapkan Memorandum tentang Reformasi Undang-undang Keluarga Islam berhubung dengan Poligami.²⁶ Dalam cadangan mereka, lafaz taklik hendaklah memasukkan bahawa jika sekiranya suami mengambil seorang lagi isteri, maka isteri tersebut berhak untuk membubarkan perkahwinnya melalui taklik. Bagi mereka perceraian secara taklik ini hanyalah pilihan kepada mana-mana isteri yang telah dianiaya dan tidak sanggup untuk hidup lagi dalam pekahwinan poligami itu. Cadangan lafaz taklik ini diambil dari model negara-negara Islam yang lain iaitu seperti Moroko dan Iran. Kandungan lafaz taklik ini menunjukkan bahawa seseorang suami adalah tidak dibenarkan berpoligami sekalipun hak untuk membubarkan perkahwinan secara taklik ini terletak pada isteri yang hanya merasakan dirinya teraniaya disebabkan oleh poligami suaminya. Bagaimanapun sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, lafaz taklik sedemikian adalah tidak sesuai dengan situasi masyarakat di Malaysia. Ini adalah kerana masyarakat di Malaysia masih lagi beranggapan bahawa menyekat apatah lagi mengharamkan poligami adalah sesuatu yang bertentangan dengan Syarak. Oleh itu Undang-undang Keluaga Islam di Malaysia pada hari adalah lebih baik sekiranya lafaz taklik itu tidak menyekat seseorang untuk berpoligami tetapi dalam masa yang sama memberi jalan keluar kepada mereka yang merasakan perlu untuk berbuat demikian.

Sekalipun undang-undang poligami wujud bertujuan untuk mengawal amalan poligami namun, masih lagi terdapat dikalangan masyarakat yang mengambil peluang

atas keharusan yang dibenarkan dengan tidak mengikut sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Kerana itu terdapat beberapa kes rentetan dari poligami seperti kes perceraian akibat dari tidak berlaku adil dan tidak memberi nafkah kepada isteri.²⁷ Bukan setakat itu sahaja mana-mana permohonan poligami yang tidak diluluskan oleh Mahkamah atau yang dirasakan Mahkamah akan menolak permohonannya akan pergi ke tempat lain untuk berpoligami. Biasanya pengamal poligami yang pergi memohon kebenaran ke tempat lain adalah samada permohonannya ditolak oleh Mahkamah kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan atau kerana tidak mahu di ketahui oleh orang lain. Kes sebegini diketahui antaranya apabila mereka datang untuk mendaftarkan perkahwinan poligami mereka. Sebagaimana peruntukan Undang-undang Keluarga Islam yang membenarkan pendaftaran tertakluk kepada penalti yang dikenakan. Sebagai contohnya dalam kes bil:421/96 Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, di mana individu ini telah disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 123, Akta 1984. Beliau telah berkahwin di Thailand pada tahun 1988 dan pekerjaan beliau adalah seorang pemandu teksi yang berpendapatan RM20 sehari. Beliau dikenakan denda sebanyak RM200 atau sebulan penjara. Apabila sahaja denda dibayar maka pendaftaran akan dibuat maka dengan ini perkahwinan poligaminya adalah sah di sisi Undang-undang.

Memandangkan kepada keadaan yang kadangkala pengamal poligami tidak dengan sendirinya mengambil perhatian tentang soal berpoligami menurut Perundangan Islam, maka sebenarnya Undang-undang yang ada belum cukup untuk mengawal dan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya berpoligami sebagaimana yang dianjurkan.

Trend poligami di kalangan masyarakat Malaysia hari ini menunjukkan bahawa antara faktor-faktor berpoligami adalah kerana ingin menikah satu lagi atas alasan cinta, berkenalan lama, jiwa tertekan dan kosong, menambah zuriat, berpendapatan lebih, nafsu terlalu kuat, mengelak dari melakukan perkara-perkara mungkar, kasihan, khalwat, alasan agama iaitu Islam membenarkan, isteri mandul serta untuk memantapkan rumah tangga.²⁵ Alasan-alasan ini, ada yang tidak munasabah terutamanya sekiranya alasan kerana cinta, berkenalan lama dan khalwat. Bahkan mereka yang membuat permohonan poligami tidak semuanya datang dari mereka yang berpendapatan yang wajar untuk menanggung keluarga satu lagi. Ditambah pula Mahkamah akan meluluskan permohonan poligami sekiranya dari sudut latar belakang kemampuan suaminya adalah mencukupi untuk menanggung keluarga yang lain. Nampaknya masyarakat tidak benar-benar memahami fungsi dan maksud poligami yang dibenarkan oleh Islam. Kerana itu banyak aduan-aduan dari pihak tertentu dengan mengatakan bahawa akibat dari perkahwinan poligami, suaminya tidak memberi nafkah dan keadilan yang sewajarnya maka ini menyebabkan berlaku perceraian. Keadaan ini telah menyebabkan imej poligami yang dibenarkan oleh Islam itu jatuh, semata-mata akibat dari ketidakfahaman dan jahilnya masyarakat tentang konsep poligami dalam Islam. Oleh itu satu cara yang baik adalah dengan memberi maklumat yang tepat kepada masyarakat. Cara ini adalah melalui kursus Pra Perkahwinan yang dilaksanakan pada hari ini perlu membincangkan isu-isu kekeluargaan secara tepat. Apa yang ada hanyalah perbincangan dari sudut struktur hukum hakam perkahwinan sahaja. Umpamanya dalam persoalan poligami, penekanan hanya diberikan kepada soal keharusan yang dibenarkan oleh Islam sahaja. Manakala soal keadilan hanya disebut sedikit. Ini menyebabkan mereka yang berpoligami tidak memahami sebenar konsep poligami tetapi merasakan poligami itu adalah sesuatu yang perlu dan mesti ditunaikan. Ini dapat dilihat sebagai contohnya

dalam kertas kerja kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam anjuran Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan membincangkan perkahwinan poligami dengan menyatakan dalil keharusan berpoligami, syarat-syarat poligami dan ayat 65 dari Surah al-Zuhru yang memberi amaran tentang mereka yang melakukan kezaliman dan penindasan terhadap isteri-isteri. Manakala dari sudut keharusan berpoligami disenaraikan sebanyak 10 sebab-sebab mengapa Islam membenarkan poligami iaitu:-

- Menjamin kemuliaan agama Islam dan kehormatan umatnya dari sebarang godaan.
- Menutup dan mengurangkan perzinaan dan pelacuran.
- Membiaikkan keturunan dengan cara yang halal.
- Mengurangkan anak-anak di luar nikah dan pengguguran.
- Seorang perempuan tidak dapat menyempurnakan kehendak nafsu suaminya kerana beberapa halangan yang tidak dapat dielakkan sedangkan suaminya tidak terbatas.
- Perempuan sentiasa berkehendakkan pimpinan dan sokongan dari kaum lelaki dengan kelemahannya yang semulajadi.
- Bilangan kaum perempuan lebih banyak dari kaum lelaki pada bila-bila masa sahaja terutama pada masa peperangan.
- Setiap pasangan suami isteri pada asalnya ingin mendapat ziriat dan keturunan dan kadangkala seseorang yang berkahwin itu didapati mandul, di kala itu hilanglah tujuan asalnya kalau tidak dibenarkan poligami.
- Nafsu berahi kaum lelaki untuk melakukan hubungan kelamin tidak terbatas pada setiap peringkat umur, meningkat 70-80 tahun nafsunya masih kuat.
- Kebanyakan perempuan-perempuan yang umurnya dalam umur 50 tahun atau perempuan yang telah kering darah haidnya, tidak merasa sanggup lagi melayani nafsu suaminya, malah sudah mula hendak mlarikan diri dari melakukan hubungan kelamin dan terasa jijik bila mendengar soal-soal itu.

Sukatan seperti ini dianggap tidak mencukupi terutamanya mereka yang ingin mengamalkan poligami menurut apa yang dianjurkan oleh Islam. Sebab-sebab yang disebutkan di atas sebenarnya adalah untuk kegunaan sesebuah negara bagi menentukan samada poligami perlu diteruskan atau diharamkan. Atas sebab-sebab sedemikianlah ada kemungkinan Malaysia masih membenarkan poligami kerana dirasakan poligami itu dapat menyelesaikan masalah masyarakat.

Apa yang pentingnya ialah penekanan kepada soal keadilan dalam berpoligami. Ini adalah kerana berpoligami bermakna membentuk sebuah keluarga yang lain yang pasti perlu kepada perhatian , tanggungjawab yang besar serta beban kewangan yang tinggi diantara keluarga sebelum dan yang akan datang. Kesilapan masyarakat dalam memahami konsep poligami menyebabkan poligami tidak dapat dihayati dengan sepenuhnya. Kerana itu maklumat yang diberi harus tepat bukan semata-mata keharusan yang dibenarkan oleh Islam tanpa membincangkan soal tanggungjawab sebenar dalam rumahtangga poligami.

Kesimpulan

Polemik poligami di Malaysia adalah berpunca dari ketidak fahaman masyarakat tentang konsep dan falsafah poligami sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Sekalipun perkahwinan poligami dibenarkan sebagaimana perceraian, namun kedua-duanya adalah tidak digalakkan. Sebaliknya poligami dan perceraian hanya boleh dilaksanakan sekiranya ia berfungsi sebagai penyelesai kepada masalah masyarakat. Seperti kata Khan ‘Islam neither originated, nor advocated nor even encouraged polygamy’.²⁹ Bagaimanapun apa yang berlaku di Malaysia, pengamal poligami kebanyakannya tidak mematuhi samada yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Hadith juga sebagaimana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Kerana itu isu poligami masih lagi terus dibincangkan kerana seperti kata Dr. Monir Yaakob ‘that most men entered polygamous marriages not out of emulating the Prophet’s Sunnah (example) but for personal interests’.³⁰

Atas sebab-sebab poligami yang kadangkala tidak munasabah menyebabkan ramai yang cuba mempersoalkan tentang poligami. Yang pastinya terdapat pengakuan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), bahawa mereka tidak menyekat dan menentang poligami sebaliknya mahukan pentadbiran berhubung dengan soal poligami tidak disalahgunakan.³¹ Ini diakui sendiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Abdul Hamid Othman, bahawa ‘penolakan oleh pertubuhan wanita sekarang bukanlah terhadap Hukum Syarak tetapi cara pelaksanaannya yang meliputi soal keadilan dan kebijakan isteri dan anak-anak’.³² Kerana itu selagi berlaku penyelewengan dan kezaliman akibat dari berpoligami maka selagi itulah isu ini tidak akan habis dibincangkan. Keadaan ini agak berbeza dengan pandang yang mengatakan bahawa isu poligami di Malaysia adalah isu remeh temeh.³³ Yang pastinya kezaliman dari berpoligami bukanlah kerana sistem tersebut tetapi kerana masyarakat yang gagal untuk menghayatinya.

Oleh itu walau apa pun bentuk perkahwinan samada monogami mahupun poligami, maka seseorang yang bergelar ketua keluarga itu mestilah memastikan supaya rumahtangganya di penuhi dengan unsur-unsur yang telah ditetapkan oleh al-Quran ayat 3 Surah al-Rum, ayat 19 Surah al-Nisa’, ayat 237 Surah al-Baqarah dan ayat 32 Surah al-Nur. Nescaya perkahwinan monogami mahupun poligami tidak akan berlaku kezaliman dan penyelewengan dalam Institusi Kekeluargaan Islam.

Nota Kaki.

- 1 Perbincangan tersebut boleh dilihat antaranya dalam Taj, Abd al-Rahman, *al-Syari‘ah al-Islamiyyah fi al-Ahwal al-Shahsiyyah*, Mesir, 1925; Rodinson, Maxime, Mohammed, Penguin Books:London, 1971; W.F.Menski, “Comparative Legal Training in Action: A Reluctant Defence of Polygamy” dalam *Kerala Law Times*, 1, 1990; D.Hinchcliffe, “Polygamy in Traditional and Contemporary Islamic Law” dalam *Islam and the Modern Age*, vol:1, 1970; B.F.Stowasser, *Women in the Quran, Traditions and Interpretation*, Oxford University Press, 1994; H. Strange, *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, Praeger Publishers: New York, 1981; C.F.Lobban, *Islamic Law in the Sudan*, Frank Cass & Co: London, 1987, G.W. Jones, *Marriage and Di-*

- vorce in Islamic South East Asia, Oxford University Press: New York, 1994 dan Amran Kasimin, *Konflik Poligami di Malaysia*, Karya Publishing House: Petaling Jaya, 1978.
- 2 Azizah Kassim, *Wanita dan Masyarakat*, Utusan Publications & Distributors: K.L., 1985, h. 183.
 - 3 *Dakwah*, Bil:233, Oktober, 1996, h. 6
 - 4 Poligami adalah perkahwinan yang mempunyai lebih dari seorang pasangan samada lelaki ataupun perempuan untuk satu-satu ketika. Poligami ini pula dibahagikan kepada dua iaitu: Poliandri dan poligini. Poliandri adalah di mana seseorang wanita mempunyai lebih dari seorang lelaki manakala poligini ialah di mana seorang lelaki mempunyai lebih dari seorang wanita. Kedua-dua bentuk perkahwinan ini masih diamalkan dalam beberapa masyarakat di dunia. Lihat *Op.cit*, Azizah Kassim, h.185.
 - 5 *Ibid*, Azizah Kassim, hh. 187-191.
 - 6 Badran Abu al-Ainain Badran, *al-Syari'ah al-Islamiyyah, Tarikhuhu wa Nazariyatuhu al-Milkiyyah wa al-Uqud*, Muassasah Shabab al-Jami'yyah: Iskandariah, t.t. h. 41
 - 7 J.L.Esposito, *Women in Muslim Family Law*, Syracuse University Press: New York, 1982, m.s.20; M. Rahman, 'Islam and Polygamy' dalam *Islamic Review*, vol:26, 1938, m.s.193 juga N.J. Coulson, *A History of Islamic law*, Edinburgh University Press: Edinburgh, 1964, hh. 18 & 19.
 - 8 Al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, J.2, Dar al-Ihya al-Turath al-Arabiyy: Beirut, 1985, h. 346, Rashid Reda, *Mukhtasar Tafsir al-Mannar*, J.2, al-Maktab al-islamiyy: Beirut, 1984, hh. 9-10.
 - 9 Surah al-Ahzab ayat 27-39
 - 10 M.M. al-Madani, *Ra'y Jadid fi Ta'addud al-Zawjat*, Matbaah Ahmad al-Mukhaimar: Kaherah, 1958, h. 20
 - 11 Antaranya lihat dalam Muhammad Uqlah, *Nizam al-Usrah fi al-Islam*, Juz:1, Maktabah al-Risalah al-Hadithah:Amman, 1989, h. 320; Sha'aban, Zaki al-Din, *al-Ahkam al-Shar'iyyah li al-Ahwal al-Shakhsiyah*, Baghdad, 1989, hh. 189-193 dan Abu Zuhrayh, *al-Ahwal al-Shakhsiyah*, Dar al-Fikr al-Arabiyy:Kaherah, 1950, h. 93.
 - 12 Mustafa al-Sibai', *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qanun*, Maktabah al-Islami: Beirut, 1962, hh. 84-88 dan Dusuki Hj. Ahmad, *Poligami dalam Islam*, YADIM: K.L., 1978, hh. 27-40.
 - 13 *Op.cit*, M.Rahman, h. 194

- 14 *Op.cit*, D. Hinchcliffe, h. 20
- 15 Seksyen 17, Law of Personal Status, 1953.
- 16 Art.30, Moroccan Law of Personal Status.
- 17 Ahmad Hidayat Buang, ‘Reformasi Undang-undang Keluarga Islam’ dalam *Jurnal Syariah*, Jil:5, Bil:1, 1997, h. 47.
- 18 J.L.Esposito, *Women in Muslim Family Law*, Syracuse University Press: Syracuse, New York, 1982, m.s 92 dan N.J.Coulson, *Op.cit*, h. 210.
- 19 Seksyen 19(3) bagi enakmen Negeri Melaka (8/83), Seksyen 17(3), bagi Negeri Kedah (1/87), Seksyen 23(3) bagi Enakmen negeri Pahang (3/87), Perlis (4/92) dan Sabah (15/92).
- 20 *Jurnal Hukum*, 1991(152).
- 21 G.W. Jones, *Op.cit*, hh. 280-281.
- 22 Lihat negeri-negeri Negeri Sembilan Seksyen 123, Wilayah Persekutuan Seksyen 123, Selangor Seksyen 123, Perak Seksyen 118, Pulau Pinang Seksyen 123, Terengganu Seksyen 120, Pahang Seksyen 124, Johor Seksyen 122 dan Perlis Seksyen 121.
- 23 Lihat dalam Seksyen 107 (Kelantan), Seksyen 128 (Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang), Seksyen 108 (Melaka), Seksyen 114 (Kedah), Seksyen 123 (Perak), Seksyen 125 (Terengganu), Seksyen 129 (Pahang), Seksyen 127 (Johor), Seksyen 130 (Sarawak), Seksyen 126 (Perlis) dan Seksyen 135 (Sabah).
- 24 Seksyen 52(h)(vi) bagi negeri-negeri Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Perlis), Seksyen 53(h)(vi) bagi Sabah, Seksyen 49(h)(vi) Terengganu dan Seksyen 51(h)(vi) Sarawak,
- 25 Laporan Tahunan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.
- 26 Memorandum on Reform of the Islamic Family Laws on Polygamy, 1996, oleh Sisters in Islam dan Persatuan Peguam-peguam Malaysia, h. 9
- 27 *Dakwah*, Bil:233, Oktober, 1996, h. 4
- 28 Analisa 30 fail kes poligami bagi tahun 1995 di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.
- 29 Khan, M. Mustafa Ali, ‘Islamic Polygamy – A Blessing in Disguise’ dalam *Kerala Law Times*, 1989 (1), J, hh. 47-58

- 30 New Starits Times 16/12/1996.
- 31 Utusan Malaysia, 23/10/1996.
- 32 Mingguan Malaysia, 1/12/1996.
- 33 Utusan Malaysia, 1/11/1996.

**PERUNTUKAN POLIGAMI DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA DALAM
UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

| Bil | Negeri | No. | Seksyen | Kebenaran Bertulis | Syarat-syarat | Fasakh | Poligami di Luar Mahkamah | Pendaftaran | Ketidakadilan Antara Isteri-isteri. |
|-----|-----------------|--------|---------|-----------------------|--|---|---|---|--|
| 1. | Kelantan | 1/83 | S.19 | Dari Mahkamah Qadhi | Tiada | S.38(f) – atas apa-apa alasan lain | Kesalahan S.19 – Denda >RM300 @ Penjara >1 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar – pindaan 1.1.85, boleh didaftar tertakluk kepada penalti yang ditetapkan | Kesalahan S.107 – Denda >Rm500 @ Penjara >4 bulan @ kedua-duanya |
| 2. | Negeri Sembilan | 7/83 | S.23 | Dari Hakim Syariah | S.23(3) – alasan perlu poligami, pendapatan, butir-butir komitmen, bilangan tanggungan termasuk baka, pandangan isteri yang se-dia ada (sebagaimana dlm borang poligami) – dan S.23(4) (a), (b), (c), (d), (e) | S.52(h)(vi) – tidak melayani isteri berkenaan secara adil mengikut Hukum Syarak | Kesalahan S.123 – Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar – pindaan 11.10.91, boleh didaftar tertakluk S.123 dan sah mengikut H.Syarak. | Kesalahan S.128 – Denda >RM1000 @ Penjara 6 bulan @kedua-duanya. |
| 3. | Melaka | 8/83 | S.19 | -sda- | -sda- | S.38(h)(vi) -sda- | Tiada | Tidak boleh didaftar | Kesalahan S.108 Denda >RM500 @ Penjara 4 bulan @ Kedua-duanya |
| 4. | W.P. | 303/84 | S.23 | -sda- | -sda- melainkan S.23 (4) (e) dibatalkan | S.52(h)(vi) dan S.52(l)“ | Kesalahan S.123- Denda >RM1000 @ Penjara 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar – Pindaan 9.9.94 boleh didaftar tertakluk S.123 dan sah di sisi hukum Syarak | Kesalahan – S.128 Denda >RM1000 @ Penjara 6 bulan @ kedua-duanya |
| 5. | Kedah | 1/84 | S.17 | Dari mahkamah Syariah | -sda- Negeri Sembilan | Tiada yang berkaitan | Kesalahan S.109 Denda >RM500 dan apa-apa pampasan yang masih terhutang. | Tidak boleh didaftar | Kesalahan S.114 Denda >RM300 @ Penjara >2 bulan @ kedua-duanya |

| Bil | Negeri | No. | Seksyen | Kebenaran Bertulis | Syarat-syarat | Fasakh | Poligami di Luar Mahkamah | Pendaftaran | Ketidakadilan Antara Isteri-isteri. |
|-----|------------|-------|---------|-----------------------|--|--------------------------|--|--|---|
| 6. | Selangor | 4/84 | S.23 | Dari Hakim Syariah | -sda- Wilayah Persekutuan | S.52(h)(vi) dan S.52(l) | Kesalahan S.123 – Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar Boleh didaftar tertakluk S.123 | Kesalahan S.128- Denda RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya. |
| 7. | Perak | 13/84 | S.21 | Dari Kadi | Pengesahan di hadapan Kadi berlaku adil terhadap isteri-isteri | S.49(e) – apa-apa alasan | Kesalahan S.118 – Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar | Kesalahan S.123 – Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya. |
| 8. | P.Pinang | 2/85 | S.23 | Dari Hakim Syariah | -sda – Wilayah Persekutuan | S.52(h)(vi) dan S.52(m) | Kesalahan S.123 Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar, Pindaan 31.1.94 boleh didaftar tertakluk kepada S.123 | Kesalahan S.128 Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya |
| 9. | Terengganu | 12/85 | S.21 | -sda- | Tiada | S.49(h)(vi) dan S.49(l) | Kesalahan S.120 Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya | Tiada disebut | Kesalahan S.125. Denda RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya |
| 10. | Pahang | 3/87 | S.23 | -sda- | -sda- Negeri Sembilan | S.52(e) | Kesalahan S.124, Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar | Kesalahan S.129 Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya |
| 11. | Johor | 5/90 | S.23 | Dari Mahkamah Syariah | -sda- Wilayah Persekutuan – memang tidak ada (e) | S.52(h)(vi) dan S.52(m) | Kesalahan S.122 Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Tidak boleh didaftar | Kesalahan S.127 Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya |

| Bil | Negeri | No. | Seksyen | Kebenaran Bertulis | Syarat-syarat | Fasakh | Poligami di Luar Mahkamah | Pendaftaran | Ketidakadilan Antara Isteri-isteri. |
|------------|---------------|------------|----------------|-------------------------------|-----------------------|--------------------------|---|-------------------------------------|--|
| 12. | Sarawak | 5/91 | S.21 | Dari Hakim Syarie | -sda- Johor | S.51(h)(vi) dan S.51 (m) | Kesalahan S.125 Denda >RM3000 @ Penjara >2 tahun @ kedua-duanya | Didaftarkan tertakluk kpd S.125 | Kesalahan S.130, Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya |
| 13. | Perlis | 4/92 | S.23 | Dari Mahkamah Syariah | -sda-Negeri Sembilan | S.52(h)(vi) dan S.52(m) | Kesalahan S.121, Denda >RM1000 @ Penjara > 6 bulan @ kedua-duanya | Didaftarkan tertakluk kepada S.121. | Kesalahan S.126, Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya |
| 14. | Sabah | 15/92 | S.23 | Dari Hakim Syarie | -sda- Negeri Sembilan | S.53(h)(vi) dan 53(m) | Kesalahan S.128, Denda >RM3000 @ Penjara >2 tahun @ kedua -duanya | Tidak boleh didaftarkan | Kesalahan S.135 Denda >RM1000 @ Penjara >6 bulan @ kedua-duanya. |